

05 APR 1997

Mahathir-Tiba

DR MAHATHIR TIBA DI KUWAIT UNTUK LAWATAN TIGA HARI

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

BANDARAYA KUWAIT, 5 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini untuk lawatan tiga hari dalam usahanya meningkatkan hubungan dua hala dan menerokai hubungan baru kerjasama khususnya dalam bidang perdagangan dan pelaburan.

Dr Mahathir diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan 15 anggota delegasi yang terdiri daripada pegawai tinggi kerajaan serta ahli perniagaan.

Mereka termasuk Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed, Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Haji Taib Mahmud, Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifuddin Omar.

Antara ahli perniagaan terkemuka yang mengikuti rombongan Perdana Menteri ialah Pengerusi Penerbangan Malaysia Tan Sri Tajudin Ramli dan Ketua Eksekutif Bank Islam Datuk Ahmad Tajudin Abdul Rahman.

Ketibaan Dr Mahathir disambut oleh Pemangku Perdana Menteri Kuwait yang juga Menteri Luar Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuwait di sini.

Perdana Menteri diberikan sambutan rasmi sebelum bertolak ke Istana Diraja di mana beliau dan Dr Siti Hasmah akan menginap sepanjang tempoh lawatan ke negara teluk ini .

Malaysia mewujudkan hubungan diplomatik dengan Kuwait sejak 1963 dan diikuti dengan pembukaan kedutaan Kuwait di Kuala Lumpur pada 1981, kedutaan pertama negara itu yang dibuka di Asia Tenggara. Sejak itu perdagangan antara kedua-dua negara beransur-ansur meningkat dengan imbalan yang lebih menguntungkan Malaysia.

Hubungan dua hala diperkukuhkan dengan lawatan Perdana Menteri allahyarham Tun Abdul Razak Hussein ke Kuwait pada 1975 dan Emir Sheikh Jaber Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah kemudian melawat Malaysia pada September 1980.

Kuwait yang masih dalam proses pembinaan semula selepas Perang Teluk berharap lebih ramai ahli perniagaannya mewujudkan hubungan dengan rakan mereka dari Malaysia.

Ini terbukti dengan lawatan ke Malaysia pada November lepas oleh pegawai-pegawai daripada 13 syarikat Kuwait untuk meninjau peluang bagi mengeksport barangan Malaysia ke sini dan negara-negara berdekatan.

Semasa di sini, Dr Mahathir akan melawat beberapa tempat menarik seperti menara keempat tertinggi di dunia, Menara Pembebasan Kuwait (sebuah menara telekomunikasi), dan Istana Seif, sebuah kompleks pejabat kerajaan yang baru siap dibina yang akan menempatkan pejabat Emir, Perdana Menteri dan menteri-menteri kabinet.

Beliau juga akan dibawa melawat ke sekitar bandaraya ini yang sedang dibina semula selepas penaklukan Iraq pada 1990 dan kesan tinggalan perang itu boleh dilihat dengan jelas oleh pengunjung ke bandaraya ini.

Bangunan-bangunan yang rosak teruk telah diruntuhkan untuk digantikan dengan yang baru.

Esok, Dr Mahathir akan mengadakan mesyuarat dua hala dan menyaksikan pemeteraian perjanjian mengenai cukai berganda antara Malaysia dan Kuwait.

Beliau juga akan menyampaikan ucapan kepada kalangan ahli perniagaan Kuwait dan mengadakan satu sesi dialog sebelum menamatkan lawatannya pada keesokan harinya.

Dr Mahathir akan berlepas ke Bahrain pada Isnin, negara kedua dalam

siri lawatannya ke negara-negara Teluk. -- BERNAMA.  
ARA MZ RON